



Protokol Komuniti Melangkap

PENGHARGAAN

Penghargaan dan terima kasih di atas kerjasama dan sumbangan dalam menjayakan penerbitan Dokumen Protokol Komuniti Melangkap kepada;

Jawantankuasa Bio-Budaya Melangkap, Penyelidik Komuniti Melangkap, Wakil Anak Negeri Melangkap dan Komuniti Melangkap di atas kerjasama dan sumbangan fakta-fakta.

GEF-SGP penyumbang dana utama

SHELL Bhd penyumbang dana bagi sebahagian daripada aktiviti pemetaan komuniti

BC Initiative sebagai pelaksana projek

Natural Justice dan rakan-rakan kongsi yang turut menyumbang tenaga kerja

NRE-UNDP/GEF Developing and Implementing a National Access and Benefit Sharing Framework in Malaysia dan Pusat Biodiversiti Sabah (SaBC) sebagai penyumbang dana bagi fasa kedua

SINGKATAN

ABS	<i>Access and Benefit Sharing</i> (Akses dan Perkongsian Faedah)
CBD	Convention on Biological Diversity (Konvensyen Kepelbagaian Biologi)
EPU	Economic Planning Unit (Unit Perancang Ekonomi)
FPIC	<i>Free, Prior and Informed Consent</i> (Izin berasaskan Makluman Awal, Bebas dan Telus)
JKKK	Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung
MOSTE	Ministry of Science, Technology and Environment (Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar)
NRE	Ministry of Natural Resources and Environment (Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar)
SGP	Small Grants Programme (Program Geran-Geran Kecil)
TDB	Terma yang Dipersetujui Bersama
UNDP	United Nations Development Programme (Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu)
WKAN	Wakil Ketua Anak Negeri

KANDUNGAN

PENGHARGAAN

SINGKATAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

1.0 PENGENALAN	4
1.1 Hubungan Kajian dengan Undang-undang Antarabangsa, Negara dan Negeri ...	5
2.0 SEJARAH KAMPUNG MELANGKAP	7
2.1 Lokasi Kajian	9
2.2 Pentadbiran dan Proses Membuat Keputusan	10
2.2.1 Pentadbiran Dahulu.....	10
2.2.2 Pentadbiran Sekarang.....	11
3.0 HUBUNGAN KOMUNITI MELANGKAP DAN ALAM	17
4.0 TRADISI KOMUNITI MELANGKAP	22
5.0 ANCAMAN	30
6.0 AKSES DAN PERKONGSIAN FAEDAH (ABS)	35
6.1 <i>Free, Prior and Informed Consent (FPIC)</i> / Izin berasaskan Makluman Awal, Bebas dan Telus	36
6.2 Terma yang Dipersetujui Bersama (TDB) / <i>Mutually Agreed Term (MAT)</i>	42
6.3 Pemetaan Komuniti dan Bengkel Penghasilan Peta 3 Dimensi Melangkap	43
7.0 KESIMPULAN	44
RUJUKAN	47

RINGKASAN EKSEKUTIF

Protokol Komuniti Melangkap merupakan satu program yang dimulakan di bawah program Geran-Geran Kecil pada tahun 2013 yang kemudiannya dilaksanakan oleh Pusat Biodiversiti Sabah dengan pembiayaan daripada projek *NRE-UNDP/GEF Developing and Implementing a National Access and Benefit Sharing Network in Malaysia* pada tahun 2017.

Protokol Komuniti Melangkap dihasilkan untuk menimbulkan kesedaran dan membina keupayaan di kalangan komuniti Dusun di Melangkap tentang penggunaan biodiversiti secara mampan, perlindungan pengetahuan tradisi serta Akses dan Perkongsian Faedah sebagai dasar untuk berurusan dengan pihak-pihak luar.

Tujuan Protokol Komuniti ini adalah untuk membolehkan komuniti Melangkap menentukan hak mereka dari segi pengetahuan tradisi terhadap sumber biologi dan budaya dengan menggunakan pendekatan *sui generis*¹ kepada Akses dan Perkongsian Faedah.

Protokol Komuniti Melangkap adalah hasil kerja daripada lima buah kampung di Melangkap, iaitu Kampung Melangkap Tomis, Kampung Melangkap Tiong, Kampung Melangkap Kapa, Kampung Melangkap Nariou dan Kampung Melangkap Baru. Kumpulan etnik utama adalah bangsa Dusun.

Objektif Protokol Komuniti Melangkap adalah untuk:

- Menghasilkan garis panduan berurusan dengan pihak luar
- Menghasilkan sistem perkongsian faedah untuk semua pihak yang terlibat
- Menghasilkan satu sistem yang dapat mengukuhkan proses pengurusan dalaman semasa pembuatan keputusan
- Memaparkan amalan-amalan tradisi dan budaya komuniti Melangkap serta penggunaan sumber biologi yang mampan

Secara keseluruhannya, dokumen Protokol Komuniti Melangkap menunjukkan:

- Proses yang dilalui oleh komuniti Melangkap dalam mendefinisikan kepimpinan serta cara pembuatan keputusan komuniti Melangkap
- Pengurusan sumber asli yang berteraskan kesepakatan komuniti, pengetahuan dan amalan tradisi
- Cara hidup komuniti Melangkap termasuk hubungan antara budaya, kerohanian, undang-undang adat dan nilai-nilai tradisi
- Cara komuniti Melangkap berinteraksi antara komuniti mengenai perihal pengurusan sumber asli, perkongsian pengetahuan dan amalan tradisi
- Aturan untuk pihak luar berurusan dengan komuniti Melangkap dengan cara yang membina serta menghormati hak-hak komuniti Melangkap

¹ *sui generis* merujuk kepada pendekatan menurut ciri-ciri pada sumber daya genetik yang unik dan khusus.

1.0 PENGENALAN

Protokol Komuniti merupakan satu instrumen untuk memudahkan proses membuat keputusan secara sepakat dari segi budaya dan proses pembangunan untuk kesejahteraan komuniti. Ianya juga digunakan untuk menyatakan hak-hak komuniti, khususnya berkenaan dengan akses dan kawalan terhadap kawasan tanah komuniti, pengetahuan tradisi serta amalan-amalan tradisi sesebuah komuniti. Setiap Protokol Komuniti adalah berbeza dari segi budaya dan kepelbagaian biologi sesebuah komuniti yang menghasilkan Protokol Komuniti. Protokol Komuniti juga merupakan satu pendekatan dalam penentuan diri yang menyumbang kepada undang-undang Negeri dalam menguruskan perihal akses kepada sumber-sumber biologi dan pengetahuan tradisi serta perkongsian faedah yang diperolehi hasil daripada penggunaannya.

Program Bio-Komuniti Melangkap dimulakan pada tahun 2013 di bawah Program Geran-Geran Kecil (SGP). Pada tahun 2017, program penyelarasan Dokumen Melangkap telah dilaksanakan oleh Pusat Biodiversiti Sabah (SaBC) di bawah mandat Projek *NRE-UNDP/GEF Developing and Implementing a National Access and Benefit Sharing Network in Malaysia*. Pelaksanaan program ini dibantu oleh BC Initiative yang berperanan sebagai pengendali program di lapangan.


Komuniti Melangkap telah berdepan dengan beberapa permasalahan yang berlaku sejak beberapa tahun dulu di kawasan Melangkap yang melibatkan orang luar dan komuniti kampung. Komuniti Melangkap menyedari bahawa adalah penting untuk mendokumentasikan kepentingan kawasan Melangkap ini kepada komuniti yang tinggal di Melangkap.

Objektif Protokol Komuniti Melangkap adalah untuk:

- Menghasilkan garis panduan berurusan dengan pihak luar
- Menghasilkan sistem perkongsian faedah untuk semua pihak yang terlibat
- Menghasilkan satu sistem yang dapat mengukuhkan proses pengurusan dalaman semasa pembuatan keputusan
- Memaparkan amalan-amalan tradisi dan budaya komuniti Melangkap serta penggunaan sumber biologi yang mampan

Bab-bab berikut menunjukkan bagaimana Protokol Komuniti dari lima (5) Kampung di Melangkap menyokong rangka kerja institusi untuk sistem *sui generis* bagi melindungi pengetahuan tradisi, inovasi, amalan dan kegunaan sumber biologi yang lazim dalam masyarakat kita.

1.1 Hubungan Kajian dengan Undang-undang Antarabangsa, Negara dan Negeri



Seiring dengan komitmen negara untuk terus memelihara sumber biologi, Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Kepelbagaian Biologi (Convention on Biological Diversity-CBD) pada 24 Jun 1994. Ia adalah salah satu perjanjian alam sekitar yang paling penting dan luas yang pernah dikembangkan. Di peringkat kebangsaan, usaha Malaysia untuk melaksanakan CBD diselaraskan oleh Jawatankuasa Kebangsaan Kepelbagaian Biologi dan diketuai oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTE). Rang Undang-undang ABS ini telah diluluskan oleh Parlimen pada 15 Ogos 2017 dan diwartakan sebagai Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 [Akta 795]. Akta ABS ini menyediakan satu tatacara yang jelas tentang prosedur untuk mengakses sumber biologidandan/atau pengetahuan tradisi berkaitan sumber biologi serta perkongsian faedah secara adil dan saksama.

Negara ini masih kekurangan maklumat yang berkenaan dengan bio-prospektor. Kebanyakan kepelbagaian biologi negara masih belum disiasat dan didokumenkan. Kepelbagaian biologi mempunyai implikasi yang penting kepada ekonomi, teknologi dan sosial dari segi keselamatan makanan, kestabilan alam sekitar, warisan biologi negara, nilai saintifik, pendidikan dan rekreasi serta keselamatan biologi (*biosafety*).

Sabah menawarkan banyak peluang kepada mereka yang berminat dalam bidang bio-prospek dan juga pembuat dasar bagi mempromosikan dan memudahkan bioprospek di negara ini. Bab ini menganalisis undang-undang dan dasar semasa dan masa depan yang mengawal akses kepada sumber biologi, proses yang membawa kepada pembikinan undang-undang ini dan inisiatif bioprospek yang telah dilaksanakan di Malaysia.

Pada masa ini, negara mempunyai mekanisme sedia ada bagi mengawal selia akses kepada sumber biologi contohnya Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010, Akta Perhutanan Negara 1984 dan panduan dan peraturan bagi menjalankan penyelidikan di Malaysia yang disediakan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), namun ia tidak menyeluruh. Di peringkat negeri pula, hanya Sarawak dan Sabah sahaja yang telah mempunyai undang-undang negeri mengenai biodiversiti yang turut mempunyai peruntukan bagi mengawal selia aktiviti ABS iaitu ordinan Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak (Pindaan) 2014 dan Enakmen Biodiversiti Sabah (2000).


Rakyat Malaysia tidak perlu memohon kebenaran daripada EPU. Walau bagaimanapun, mereka perlu memohon permit yang berkaitan di peringkat negeri. Bio-prospektor asing juga perlu mendapatkan visa yang diperlukan untuk menjalankan sebarang penyelidikan. Di Sabah, "Garis Panduan untuk Spesimen Biologi/Pengumpulan Botanikal" digunakan khusus untuk mengutip dari kawasan di bawah bidang kuasa Jabatan Perhutanan atau di mana keperluan khusus memerlukan kelulusan Jabatan Perhutanan. Dengan Enakmen Biodiversiti Sabah 2000 dan penubuhan Majlis Biodiversiti Sabah yang berikutnya, mana-mana pemungut yang berhasrat untuk mendapatkan sumber biologi dari negeri kini perlu memohon secara bertulis kepada Pusat Biodiversiti Sabah (SaBC).

Seperti yang ditetapkan oleh Enakmen, mana-mana pemungut yang berhasrat untuk mendapatkan sumber biologi hendaklah memohon secara bertulis kepada Majlis Biodiversiti Sabah untuk lesen akses. Permohonan itu adalah berhubung dengan akses kepada sumber biologi yang terdapat pada:

- a) Tanah Negeri;
- b) Tanah Rizab, tanah adat atau mana-mana kawasan masyarakat pribumi dan tempatan menjalankan hak berdasarkan komuniti atau adat
- c) Mana-mana kawasan lain, termasuk sungai, anak sungai, laluan air atau kawasan yang dilindungi oleh taman laut atau perairan wilayah Negara, serta apa-apa koleksi ex-situ yang dikendalikan Negara. Tidak akan ada eksport untuk tujuan penyelidikan mengenai sebarang sumber biologi tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Majlis.

2.0 SEJARAH KAMPUNG MELANGKAP

Kampung Melangkap merupakan sebuah kampung yang didiami oleh suku kaum Dusun. Kampung Melangkap terdiri daripada 5 buah kampung iaitu Kampung Melangkap Tomis, Kampung Melangkap Tiong, Kampung Melangkap Kapa dan Kampung Melangkap Nariou dan Kampung Melangkap Baru. Jumlah penduduk kampung Melangkap adalah dalam anggaran 3,000 orang dan majoriti daripada mereka adalah petani dan beragama Kristian. Kewujudan kelompok kampung Melangkap ini adalah hasil penghijrahan komuniti dari kawasan sarayo. Gambarajah 1 di bawah menunjukkan pembentukan kampung awalan dan seterusnya.



Gambarajah 1: Penghijrahan dan pembentukan kelompok Kampung Melangkap

Setiap kampung di Melangkap mempunyai sejarah yang tersendiri dalam pembentukan dan nama. Gambarajah 2 adalah ringkasan mengenai pewujudan kampung dan nama bagi kelima-lima kampung.

MELANGKAP

Menurut penceritaan orang-orang tua, nama kampung Melangkap adalah diambil daripada dua bukit serupa dengan bentuk sarung parang dan diambil sempena nama satu tempat yang dipanggil Miniangkap, (yang bermaksud bertindih atau berlapis)

MELANGKAP KAPA

Kampung Melangkap Kapa wujud apabila sekumpulan kecil komuniti dari *sarayo* melarikan diri untuk bersembunyi dari musuh mereka.

Semasa perjalanan mencari kawasan penempatan baru, mereka membina sebuah pondok untuk berteduh. Pondok ini dipanggil "*kinapa-kapa*" kerana ia beratapkan daun *paka* (lalang). Kawasan ini kemudiannya dijadikan sebagai penempatan tetap mereka. Komuniti tersebut kemudian menamakan kawasan ini "Kapa" sempena pondok yang mereka bina pada waktu tersebut.

MELANGKAP TIONG

Komuniti yang menetap di sini menamakan kawasan ini sebagai Tiong sempena nama kolam keramat yang dipanggil "*tiong-tiong*".

Menurut Komuniti, kolam keramat ini tidak pernah kering dan telah menyelamatkan mereka ketika musim kemarau panjang. Dan pada masa itu, kolam ini hanya didiami oleh seekor ikan misteri yang berwarna putih.

MELANGKAP BARU

Kawasan ini dibuka pada tahun 1963, apabila penubuhan sebuah sekolah dan penghijrahan komuniti dari 3 kampung (rujuk kepada gambarajah 1) untuk mengusahakan tanah milik mereka.

Komuniti yang berpindah ke kawasan ini kemudian menamakan penempatan baru ini sebagai Kampung Melangkap Baru.

MELANGKAP TOMIS

Kewujudan Kampung Melangkap Tomis bermula dengan penghijrahan sekumpulan petani yang mengamalkan tradisi pertanian pindah randah. Para petani ini berpindah dari kawasan kampung asal (Tomis *sarayo*) ke kawasan Melangkap Tomis sekarang dengan tujuan untuk mengusahakan tanah baru.

Nama kampung Melangkap Tomis adalah gabungan nama anak sungai dan nama kampung asal para petani yang telah berhijrah ke kawasan ini. Anak sungai tersebut dikenali sebagai Melangkap dan asal usul nama 'tomis' diambil sempena nama kampung asal para petani (Tomis *sarayo*).


Kampung Melangkap Tomis merupakan kampung pertama yang menggunakan perkataan Melangkap dalam nama kampung mereka.

MELANGKAP NARIOU

Bermula apabila dua keluarga dari Kampung Melangkap Tiong dan Kapa berpindah ke kawasan ini kerana ingin mencari kawasan yang lebih luas dan subur untuk menjalankan penanaman padi.

Kawasan ini dinamakan "Nariou" (dan kini dipanggil sebagai Nariou) kerana terdapat banyak pokok kayu yang kering dan mati. Keadaan pokok adalah sedemikian kerana pengambilan kulit kayu yang banyak untuk dijadikan "*tangkob*" (tempat penyimpanan tuaian).

2.1 Lokasi Kajian



Peta Kampung Melangkap yang menunjukkan kedudukan setiap kampung yang dihasilkan melalui aktiviti Pemetaan Komuniti yang dijalankan oleh Komuniti Melangkap

Kampung Melangkap terletak kira-kira 31 km dari pekan Kota Belud dan dikelilingi oleh empat puncak *nuluhon*² iaitu Nabalu (lebih dikenali sebagai Gunung Kinabalu), Nopungguk, Nungkok dan Mourun. Kampung ini mempunyai 4 sungai utama iaitu Panataran, Paramat, Libang dan Waig Inatai serta bersempadan dengan beberapa kampung yang lain; Kampung Tambotuon, Kampung Bundu Paka, Kampung Kebayau, Kampung Narinang (Botung), Kampung Tinata dan kampung Gensurai.

Kampung Melangkap dipilih untuk program Bio-Komuniti kerana:

- Kedudukannya yang terletak di kaki Gunung Kinabalu dan berhampiran dengan Taman Kinabalu.
- Kawasan di persekitaran yang masih kaya dengan kepelbagai biodiversiti dan komuniti yang masih mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai penggunaan tumbuh-tumbuhan dan herba-herba.

² *Nuluhon* dalam bahasa tempatan bermaksud bukit yang tinggi

- Komuniti Melangkap terutama golongan tua menyedari akan peningkatan hakisan pengetahuan tradisi dikalangan generasi muda. Mereka juga kluatir dengan kebarangkalian pembukaan pintu ketiga oleh Taman Kinabalu di kawasan mereka akan mengubah cara kehidupan dan kawasan persekitaran mereka.

2.2 Pentadbiran dan Proses Membuat Keputusan

Kawasan pentadbiran di kampung Melangkap adalah berdasarkan *wolit*³ yang telah dibuat dan ditentukan oleh *komolohingan*⁴ komuniti asal kampung Melangkap. Kelompok Melangkap yang terdiri daripada lima buah kampung iaitu Kampung Melangkap Tomis, Melangkap Baru, Melangkap Tiong, Melangkap Nariou dan Melangkap Kapa adalah *wolit* yang telah dibuat oleh *komolohingan* dan telah diiktiraf oleh semua pemimpin kampung dan komuniti di Melangkap. Sebarang perpindahan dan perubahan *wolit* pentadbiran hendaklah mendapat persetujuan dari kesemua pemimpin kampung untuk mengelakkan masalah pertelingkahan berlaku dan untuk menjamin persefahaman setiap kampung yang terlibat.


2.2.1 Pentadbiran Dahulu

Sistem pentadbiran di perkampungan Melangkap pada masa dahulu dilaksanakan oleh Ketua Suku atau *Huguan* dalam bahasa Dusun. *Huguan* ini merupakan seseorang individu yang telah dipilih oleh komuniti sendiri. Kebiasannya seseorang *Huguan* mestilah mempunyai pengetahuan yang luas mengenai adat istiadat, hukuman dan juga berkebolehan dalam menyelesaikan masalah. Latar belakang seseorang individu memainkan peranan dalam perlantikannya sebagai *Huguan*, sebagai contohnya, jika individu tersebut berasal dari keluarga yang pernah berjawatan *Huguan* maka individu tersebut mempunyai peluang yang tinggi untuk dipilih sebagai *Huguan*. Dalam melaksanakan tugasannya, dia akan dibantu oleh beberapa individu yang berperanaan di dalam komuniti, dan individu-individu ini semestinya arif dalam adat istiadat dan hukuman. Peranan mereka adalah sebagai tempat rujukan. Banyak gelaran yang diberi kepada individu-individu ini seperti *Susukuon*, *ponokuon*, *molohingon kampung*, *gampangatur*, *pengayatan* dan *boyoon*⁵. Kerjasama di antara *Huguan* dan *Susukuon* adalah penting untuk mengekalkan perpaduan dalam komuniti pada masa itu. Pada hari ini, *susukuon* lebih dikenali sebagai pengapit kepada ketua kampung.

³ *Wolit* bermaksud sempadan

⁴ *Komolohingan* bermaksud nenek-moyang


⁵ *Susukuon*, *ponokuon*, *molohingon kampung*, *gampangatur*, *pengayatan* dan *boyoon* merupakan nama atau istilah yang diguna pakai merujuk kepada ketua suku atau orang yang arif tentang adat.



Dalam penyelesaian masalah, ia bergantung kepada budi bicara Ketua Suku dan juga *Susukuon*. Penyelesaian masalah pada masa dahulu lebih dipengaruhi dengan kepercayaan dan juga berdasarkan dengan keterangan dan kredibiliti saksi. Sekiranya, Ketua Suku atau *Susukuon* tidak dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam kampung maka Ketua Suku dan *Susukuon* dari kampung berhampiran akan dijemput untuk membantu menyelesaikan masalah tersebut. Keputusan yang dicapai oleh Ketua Suku atau *Susukuon* adalah muktamad dan tidak boleh diubah atau di persoalkan oleh mana-mana pihak, dengan itu masalah akan dianggap selesai pada hari keputusan dibuat.

2.2.2 Pentadbiran Sekarang

Sistem pentadbiran sekarang adalah mengikut sistem dan perancangan kerajaan. Struktur pentadbiran dibahagikan kepada dua; (i) hal-hal dan hak-hak berkenaan adat di bawah jagaan Ketua Kampung dan (ii) hal-hal mengenai keselamatan dan kemajuan kampung di bawah jagaan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK).



Gambarajah 3: Sistem pentadbiran kampung


Peranan Ketua Kampung

Di Melangkap, Ketua Kampung adalah ketua adat dan pemimpin komuniti. Ketua kampung dibantu oleh 4 orang, yang dipanggil pengapit dan peranan mereka adalah sebagai pakar rujuk adat. Pengapit dipilih oleh komuniti kampung sendiri. Biasanya, pengapit akan ikut serta dengan ketua kampung dalam menyelesaikan masalah kecil yang berlaku di kampung masing-masing. Tetapi, apabila berlakunya masalah besar atau rumit, ketua kampung akan bergabung dengan ketua kampung dari kampung yang berhampiran untuk membantu dalam menyelesaikan permasalahan tersebut.

Perlantikan Ketua kampung boleh dilakukan dengan dua cara iaitu;

- i. Cara undian - komuniti kampung akan bermesyuarat dan memilih seseorang untuk dijadikan calon, **ATAU**
- ii. Perlantikan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan - Pengesahan jawatan ketua kampung dibuat oleh Kementerian Kerajaan Tempatan berdasarkan cadangan daripada wakil rakyat dan disokong oleh komuniti. Tempoh perkhidmatan seseorang ketua kampung tiada tempoh yang ditetapkan, kecuali seseorang ketua kampung terlibat dalam kes-kes tertentu (jenayah dan masalah peribadi), meletak jawatan secara sukarela.

Masalah di perkampungan yang di bawah bidang Ketua Kampung adalah berkaitan masalah tanah, pergaduhan, masalah merosakkan tanaman dan apa-apa perihal yang berkaitan dengan adat. Ketua Kampung akan membuat penyiasatan ke atas kesahihan masalah yang diadukan sebelum menjalankan perbincangan. Proses aliran penyelesaian masalah oleh ketua kampung adalah seperti ditunjukkan di gambarajah 4.




Gambarajah 4: Proses penyelesaian masalah yang dikendalikan oleh Ketua Kampung

Peranan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK)

Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) adalah badan yang bertanggungjawab dalam soal kemajuan dan keselamatan kampung. Badan JKKK merupakan satu badan yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan sebagai saluran untuk mengemukakan keperluan komuniti kampung dan juga bertindak sebagai badan perancang, penentuan strategi dan pelaksanaan program pembangunan di dalam kampung. Badan ini juga berperanan penting dalam aspek kebajikan dan hal ehwal wanita, kebudayaan dan agama, kemudahan dan kesihatan dan pendidikan serta pembangunan ekonomi kampung.

JKKK di Kampung Melangkap mempunyai 6 orang ahli. Tugas-tugas jawatankuasa ini disokong oleh biro-biro yang dilantik oleh Jawatankuasa itu sendiri.

Dalam melaksanakan tugas mengenai kemasukan projek di kampung, Badan JKKK harus bermesyuarat dengan semua ahli dan Ketua Kampung untuk mencapai satu persetujuan sama ada mesyuarat umum perlu diadakan. Proses membuat keputusan setiap badan JKKK adalah melalui 2 kategori iaitu Mesyuarat JKKK dan Mesyuarat Umum. Mesyuarat JKKK hanya dihadiri oleh 6 orang ahli jawatankuasa JKKK sahaja bersama ketua kampung untuk berbincang tentang keperluan kampung ataupun apabila mendapatkan projek dari kerajaan. Biasanya, badan JKKK akan mengadakan mesyuarat terlebih dahulu bersama ahli jawatankuasa untuk membincangkan bagaimana pelaksanaan projek tersebut akan dibuat dan memutuskan sama ada di bawa ke mesyuarat umum atau tidak. Proses aliran penyelesaian masalah oleh JKKK adalah seperti ditunjukkan di gambarajah 5.



Gambarajah 5: Proses mencapai keputusan badan JKKK

3.0 HUBUNGAN KOMUNITI MELANGKAP DAN ALAM

Komuniti Melangkap seperti kebanyakan Komuniti Orang Asal dan Tempatan di Sabah menyedari kepentingan persekitaran semulajadi mereka. Dalam Komuniti Melangkap, mereka telah membina satu sistem untuk melindungi dan memanfaatkan sumber semulajadi untuk memastikan kesinambungan untuk generasi yang akan datang.

Berikut merupakan nama kawasan dan cara pengurusan yang dijalankan oleh komuniti Melangkap:

Puru	• di bawah pengurusan Ketua Kampung dan komuniti kampung (merujuk kawasan hutan yang belum diterokai dan berada di kawasan kampung)
Bawang	• Kawasan sungai, di bawah pengurusan Ketua Kampung dan komuniti kampung
Kawalayan	• Kawasan perumahan, di bawah seliaan Ketua Kampung
Kalabangan	• Kawasan perkuburan, di bawah pengurusan Ketua Kampung, JKKK dan komuniti kampung
Sosogohon / Tudan Waig	• Kawasan tadahan atau bekalan air, di bawah jawatankuasa Ketua Kampung, JKKK, komuniti dan adanya satu jawatankuasa tertentu yang dibentuk untuk memantau kawasan dari masa ke masa),
Kabun	• pengurusan kawasan ini adalah di bawah tanggungjawab pemilik tanah masing-masing tetapi jika berlaku sesuatu masalah Ketua Kampung merupakan rujukan utama bagi menyelesaikan masalah yang timbul),
Tumoon	• Kawasan pertanian, tanggungjawab pemilik tanah masing-masing
Ponusuyan	• Tempat bersejarah, tanggungjawab bersama Ketua Kampung, JKKK dan komuniti
Tubat-tubatan	• tempat mengambil ubat , tanggungjawab individu

Gambarajah 6: Pengurusan sumber dan kawasan yang diamalkan oleh komuniti Melangkap

i. Pengurusan Hutan

Pengurusan dan penjagaan hutan di kalangan komuniti Melangkap sudah lama dipraktikkan sejak turun-temurun. Sehingga kini, tanggungjawab ini masih lagi diamalkan oleh komuniti. Cara pengurusan hutan komuniti Kampung Melangkap boleh dilihat melalui cara peraturan yang ditetapkan oleh komuniti sendiri.

Hutan di bawah tanggungjawab komuniti Melangkap terbahagi kepada dua iaitu (i) hutan yang dimiliki oleh individu dan (ii) hutan yang dimiliki bersama (*puru*). Hutan yang dimiliki individu mempunyai sempadan yang telah ditentukan oleh *komolohingan* sejak dari dahulu lagi (berkekalan sehingga sekarang) dan menjadi panduan kepada pemilik yang mewarisinya. Manakala, hutan yang berstatus *puru* adalah di bawah tanggungjawab pemegang amanah peringkat kampung, yang terdiri daripada Ketua Kampung dan Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta komuniti.

Komuniti Melangkap juga sedang dalam perancangan untuk mewujudkan 'Tagal Hutan' sebagai langkah ke arah memelihara alam semulajadi. Dengan itu, komuniti Melangkap akan menubuhkan satu persatuan bagi membolehkan pelan pengurusan untuk mewujudkan 'Tagal Hutan' dengan lebih lancar. Bagi komuniti Melangkap, ini merupakan satu cara yang dapat memantapkan dan meningkatkan kesedaran khususnya di kalangan generasi muda kampung Melangkap tentang kepentingan biodiversiti. Pemimpin juga berpeluang untuk mengadakan bengkel, latihan praktikal khusus yang berkaitan dengan biodiversiti.

ii. Pengurusan Sungai

Sungai memainkan peranan penting dalam mewujudkan era di awal tamadun. Ia memberikan nyawa kepada hutan, tanah, hidupan liar dan manusia. Komuniti Melangkap amat menghormati dan tahu akan kepentingan sungai dalam kehidupan harian mereka. Ini dinyatakan dengan jelas dalam undang-undang adat kampung Komuniti Melangkap. Komuniti Melangkap mempunyai peraturan untuk melindungi sungai dan kawasan tadahan air, terdapat 2 dokumen bertulis mengenai pengurusan sungai (Tagal) iaitu Undang-undang Kecil Bombon Kampung Melangkap Tiong (1989) dan Melangkap Baru (2003)

Jawatankuasa Bombon

Jawatankuasa Bombon merupakan satu inisiatif yang diambil oleh komuniti Melangkap sendiri untuk tujuan pengurusan kawasan Tagal. Ahli-ahli di dalam Jawatankuasa ini terdiri daripada komuniti kampung masing-masing yang dipilih oleh komuniti kampung masing-masing.

Secara umumnya, dalam setiap peraturan yang ditetapkan memberi penekanan kepada penjagaan dan keselamatan kawasan Tagal untuk memastikan ekosistem kawasan Tagal

terpelihara. Antara persamaan di dalam peraturan dari kelima-lima kampung komuniti Melangkap adalah:



- Larangan melakukan sebarang aktiviti yang boleh memusnahkan ekosistem kawasan Tagal seperti menuba, mengebom dan penggunaan alat menangkap ikan yang boleh mencemarkan serta merosakkan sungai.
- Larangan masuk orang luar tanpa kebenaran daripada komuniti Kampung Melangkap.
- Denda akan dikenakan kepada sesiapa yang mengingkari peraturan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Bombon. Setiap denda yang dikenakan adalah berdasarkan peraturan yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Bombon kampung masing-masing.

Antara peranan penting Jawatankuasa Bombon:

- Mengawal pengambilan ikan secara berlebihan
- Mengelak pencerobohan orang luar daripada mengambil hasil sungai
- Memastikan pengambilan hasil sungai tidak menggunakan alat-alat yang boleh memudaratkan kehidupan di dalam sungai seperti meracun, menuba dan mengebom
- Bagi penjagaan tadahan dan saliran air, komuniti Melangkap membentuk 2 Jawatankuasa untuk menjaga, memantau, menyelaras dan menyelenggara keperluan yang berkaitan dengan tadahan air dan saliran di kelima-lima kampung



Kawasan Tagal Kampung Melangkap Tiong

iii. Penggunaan tumbuh-tumbuhan semulajadi sebagai ubat-ubatan untuk merawat penyakit Komuniti Kampung Melangkap sudah lama menggunakan tumbuh-tumbuhan sebagai sumber untuk pelbagai kegunaan keperluan asas. Salah satunya adalah untuk tujuan perubatan. Komuniti Kampung Melangkap mengambil berat dalam mengekalkan pengetahuan mengenai penggunaan tumbuh-tumbuhan perubatan ini.

Komuniti Melangkap masih mengamalkan penggunaan tumbuh-tumbuhan untuk merawat penyakit. Tumbuh-tumbuhan seperti *babas*, *tirik-irik*, *sononipon*, *dalai* dan *paka* adalah antara jenis tumbuh-tumbuhan yang sering digunakan untuk merawat penyakit.

Selain itu, komuniti Melangkap juga mempunyai pengetahuan dalam mengenalpasti tumbuh-tumbuhan dan haiwan yang boleh membawa bahaya dan malapetaka. Di antara tumbuh-tumbuhan yang merbahaya adalah seperti *paliu*, *kutang* dan *tohipoi*.



Komuniti Melangkap mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang tumbuh-tumbuhan yang boleh digunakan sebagai ubat-ubatan

iv. Pengambilan *rarapawon gouton* sebagai sumber makanan

Walaupun cara hidup komuniti Melangkap mula terdedah dengan kemajuan dan pembangunan tetapi cara hidup terdahulu terutamanya sikap kebergantungan kepada sumber alam semulajadi tidak pernah hilang. Komuniti kami masih mengambil "*rarapawon gouton*"⁶, sebagai sumber makanan harian. Contohnya, tumbuhan liar yang selalu diambil oleh komuniti kami sebagai *rarapawon* adalah cendawan liar, pakis, *polod*, *kadai*, *tutan*, *hobung* dan banyak lagi.

v. Hubungan kerohanian komuniti dengan alam semulajadi

Dalam tradisi komuniti Melangkap "*Popoosus do tagung*",⁷ merupakan satu tradisi yang telah diamalkan sejak zaman nenek moyang lagi. Walaupun sudah beragama namun demikian tradisi tetap diamalkan oleh komuniti. "*Popoosus do tagung*", merujuk kepada tindakan memukul gong tanpa henti. Nenek moyang komuniti Melangkap sangat menghormati semangat alam semulajadi dan kaya dengan pantang larang dan kepercayaan dalam aktiviti harian. *Popoosus do tagung* dilakukan apabila berlakunya kejadian seperti apabila ribut kuat melanda kawasan perkampungan. Golongan orang tua-tua (lelaki atau wanita) akan memukul gong tanpa henti sehingga ribut naik itu redah. "*Popoosus dot tagung*", ini dipercayai mampu membawa ribut ke aras yang tinggi dan sekaligus mengelakkan kemusnahan dalam kawasan penempatan. Pada masa sekarang, kepercayaan ini masih diamalkan di beberapa kampung Melangkap sebagai satu kaedah untuk meredakan ribut kuat yang melanda kawasan kampung dan juga semasa berlakunya kecemasan seperti kebakaran di kawasan penempatan.

⁶ *Rarapawon gouton* bermaksud tumbuh-tumbuhan yang boleh di makan (sayur hutan)


⁷ *Popoosus do tagung* (memukul gong) merupakan satu tradisi dan kepercayaan komuniti kampung Melangkap yang dijalankan apabila ribut kuat melanda kawasan perkampungan.

4.0 TRADISI KOMUNITI MELANGKAP

Tradisi komuniti Melangkap masih lagi dipengaruhi amalan-amalan yang dipraktikkan sejak turun temurun. Hanya satu tradisi yang dihormati oleh semua lapisan masyarakat dalam komuniti Melangkap. Bagi komuniti Melangkap, tradisi ini menonjolkan identiti dan kepentingan komuniti ini di Sabah. Tradisi yang dipraktikkan merangkumi dari cara penanaman padi secara tradisi, pembuatan kraftangan, majlis keramaian, perubatan dan acara gotong-royong.

i. Penanaman padi bukit secara tradisional

Penanaman padi secara tradisional masih diamalkan oleh komuniti Melangkap. Penanaman padi dimulakan dengan proses di panggil *mongumoh*. Proses ini melibatkan beberapa aktiviti seperti yang ditunjukkan di gambarajah 7:



Gambarajah 7: Proses *Mongumoh*

Bagi aktiviti penyemaian biji benih padi di panggil sebagai *Mangasok*. Biasanya, aktiviti ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kumpulan *mangasok* (biasanya kaum lelaki) dan *monumpos* (kaum wanita) dan ia akan dilakukan serentak. *Monumpos* merujuk kepada kerja menyemai benih padi, iaitu memasukkan benih padi ke dalam lubang. Jika ada benih padi yang tidak tumbuh maka kerja *Monugut* akan dilakukan. *Monugut* adalah proses di mana benih baru disemai pada tempat yang mana benih padi tidak tumbuh. Apabila padi setinggi setengah kaki atau lebih kerja-kerja *gumamas* dilakukan supaya padi tidak terbantut dihimpit oleh rumput. Dua bulan kemudian, sekali lagi kerja-kerja *mongintoguli* dibuat untuk membersihkan kawasan *tumoo*. Ini adalah untuk memudahkan kerja-kerja *mongomot* dijalankan apabila tiba masanya. kerja-kerja *momuhau* iaitu, menghalau bintang turut dijalankan terutamanya apabila padi mula berisi (*monilau*) dan sehingga padi mula menguning.



Memandangkan tempoh padi masak berbeza maka komuniti Melangkap akan mengetam padi yang masak dahulu dan proses ini dipanggil *monginggiit*. Apabila kesemua padi sudah masak barulah proses *mongomot* dijalankan. Proses *mamaralau* dijalankan selepas proses *mongomot*.

Padi yang telah dituai, kemudiannya akan dipisahkan daripada jerami dan proses ini dipanggil *momogomos*.



Kegiatan *Mangasok* dan *Monumpos* masih diamalkan oleh Komuniti Kampung Melangkap



Proses mengasingkan padi daripada jerami padi



Jenis-jenis Langgaman (peralatan yang digunakan untuk mengetam padi pada musim menuai)

ii. Penggunaan alat untuk penyimpanan dan proses penumbukan padi

a) *Tangkob*

Tangkob adalah tempat penyimpanan padi yang diperbuat daripada kulit kayu yang dibentuk menjadi bulat. Pada masa ini, hanya segelintir komuniti di Melangkap yang mengamalkan penyimpanan padi di dalam *tangkob*. Walaupun penggunaan *tangkob* sudah mulai berkurangan, amalan dan pengetahuan tradisi untuk membuat *tangkob* masih dipelihara.

Proses untuk membuat sebuah *tangkob* terikat dengan beberapa pantang larang. Menurut kepercayaan komuniti, jika rombongan komuniti ini ditegur kulit kayu yang diambil mudah pecah dan terbelah (tidak akan menjadi) apabila dibentuk.

b) *Tosung dan Toolu*

Komuniti Melangkap memproses padi dengan cara menumbuk padi menggunakan *tosung dan toolu*⁸.

⁸ Peralatan tradisi yang digunakan komuniti untuk memproses padi



Tangkob, tosung dan toolu yang masih digunakan oleh Komuniti Melangkap

iii. Peralatan memasak tradisi

*Kuron*⁹ merupakan alat memasak tradisi yang telah digunakan sejak turun temurun. Pembuatan *kuron* merupakan warisan paling lama dan masih diamalkan oleh hanya beberapa keluarga di

Melangkap Kapa. Ini mungkin disebabkan kegunaan *kuron* semakin berkurangan di masa ini. Proses membuat *kuron* dipanggil *Proses Momorun*. Oleh kerana penggunaan *kuron* di suatu masa ketika dahulu adalah penting, komuniti Melangkap Kapa dahulu telah mengaitkan proses ini di dalam tarian tradisi mereka iaitu Kapa Momorun.



Alat-alat yang digunakan untuk membentuk dan mencorak *Kuron*



Kuron yang telah dibakar dan siap untuk diguna

⁹ ***Kuron*** adalah belanga yang diperbuat daripada tanah liat kelabu. Tanah liat yang diperlukan didapati daripada kawasan Melangkap Kapa. Membuat *kuron* di Melangkap kini hanya dilakukan oleh Puan Kontiom dan keluarga dari Melangkap Kapa.



Proses membuat *Kuron*



Tarian Kapa Momorun yang menceritakan proses membuat *Kuron*

iv. Kraftangan

Kampung Melangkap juga terkenal dengan kerja kraftangan terutama sekali komuniti Melangkap Nariou yang diperbuat daripada rotan, buluh dan kulit rumbia. Antara kraftangan yang dihasilkan adalah seperti bakul, *lampit* (tikar rotan), *wakid*, *basung*, perhiasan rumah, penyapu, *sinondugan* dan sepak raga.



Kraftangan yang dihasilkan oleh komuniti Melangkap



Kemahiran tradisi menghasilkan kraftangan

v. Pembuatan Sarung Parang dan Kepala Parang

Kemahiran ini masih popular dalam komuniti Melangkap terutamanya di kalangan kaum lelaki. Kayu yang biasa digunakan untuk membuat *tangkap* (sarung parang) adalah seperti pokok *pau*, pokok *litak*, pokok *tomboilik*, pokok *ganas* dan sebagainya. Kebiasaannya jenis kayu yang dipilih adalah kayu yang tidak keras, ini adalah untuk memudahkan kerja pengukiran dan pembentukan "*tangkap*" dibuat. Bagi membuat *tulu dangol* (kepala parang) pula, bahagian kayu yang digunakan adalah akar pokok tarap, akar dan dahan pokok nangka.

vi. Penggunaan sumber semulajadi untuk pembuatan atap rumah

Membuat *Sinorut*¹⁰ merupakan satu kegiatan yang sangat penting pada masa dahulu dalam komuniti kami kerana ia digunakan sebagai atap rumah. Proses pembuatan dan penghasilan *sinorut*, ia memerlukan kemahiran untuk menggabungkan daun-daun *rumbio*, *kobu* dan *wadan* dicantum serta dijahit menggunakan *lias* sehingga ia terbentuk empat segi panjang. Sehingga kini, Komuniti Melangkap masih mengamalkan tradisi ini.




Menunjukkan pengetahuan tradisi membuat *Sinorut*, menggunakan sumber alam yang terdapat di Melangkap

¹⁰ *Sinorut* adalah atap rumah yang diperbuat daripada gabungan daun *rumbio*, buluh dan juga *lias* (dianyam bersama).

- vi. Penggunaan tumbuhan semulajadi sebagai ubat-ubatan tradisional untuk merawat penyakit

Komuniti Melangkap masih mengamalkan penggunaan tumbuh-tumbuhan untuk merawat penyakit seperti *babas*, *tirik-irik*, *sononipon*, *dalai*, *paka* dan sebagainya.

Selain daripada itu, komuniti Melangkap juga mempunyai pengetahuan dalam mengenalpasti tumbuh-tumbuhan dan haiwan yang boleh membawa bahaya dan malapetaka. Di antara tumbuh-tumbuhan yang merbahaya adalah seperti *paliu*, *kutang* dan *tohipoi*.



- vii. Tradisi *popoosus do tagung*

Tradisi "*popoosus do tagung*",¹¹ merupakan satu tradisi yang merujuk kepada tindakan memukul gong tanpa henti. *Popoosus do tagung* dilakukan apabila berlakunya kejadian seperti apabila ribut kuat melanda kawasan perkampungan. "*Popoosus do tagung*", dipercayai mampu membawa ribut ke aras yang tinggi dan sekaligus mengelakkan kemusnahan dalam kawasan penempatan. Pada masa sekarang, kepercayaan ini masih diamalkan di beberapa kampung Melangkap sebagai satu kaedah untuk meredakan ribut kuat yang melanda kawasan kampung dan juga semasa berlakunya kecemasan seperti kebakaran di kawasan penempatan.

¹¹ *Popoosus do tagung* (memukul gong) merupakan satu tradisi dan kepercayaan komuniti kampung Melangkap yang dijalankan apabila ribut kuat melanda kawasan perkampungan.

viii. Tradisi *Magasak*

Magasak merupakan satu tradisi bergotong-royong untuk mengambil hasil sungai secara tradisional. Aktiviti ini dijalankan pada musim kemarau dan dilakukan secara bergotong royong. Kebiasaanya, golongan tua-tua akan mengetuai aktiviti ini.



Aktiviti *Magasak* yang dijalankan oleh Komuniti kampung pada musim kemarau

ix. Pengambilan *rarapawon gouton* sebagai sumber makanan

Komuniti Melangkap masih lagi bergantung kepada sumber semulajadi sebahagian daripada pemakanan harian. Contohnya, tumbuhan liar yang selalu diambil oleh Komuniti kami sebagai *rarapawon* adalah cendawan liar, *pakis*, *polod*, *kadai*, *tutan*, *hobung* dan banyak lagi.



moroppinggan



dukaruk



tombulaung

Hasil hutan yang dijadikan sumber makanan

5.0 ANCAMAN

Sama seperti komuniti lain di Sabah, Komuniti Melangkap juga menghadapi pelbagai cabaran yang mengancam amalan kehidupan secara tradisi. Sebagai komuniti yang hidup bergantung rapat dengan alam semulajadi, Komuniti Melangkap mempunyai kecenderungan untuk menerima ancaman yang boleh mengakibatkan bebanan kepada cara hidup yang sedia ada.

i. Pembangunan yang tidak mampan

Lokasi Kampung Melangkap yang strategik berlatarbelakangkan Gunung Kinabalu dan kawasan yang kaya dengan kepelbagaian sumber biologi menjadikan ia sebagai satu kawasan yang berpotensi untuk disasarkan dan digunapakai bagi tujuan pembangunan untuk menjana ekonomi negeri.

Kawasan Melangkap yang meliputi kawasan tanah tinggi yang bercerun curam, yang juga menjadi habitat kepada spesis flora dan fauna endemik yang terancam, ini menjadikan ia sebagai satu kawasan sensitif dari segi alam sekitar dan ekologi.

Komuniti Melangkap semakin berkembang, seiring dengan perkembangan ini timbul kebimbangan mengenai pembangunan yang tidak mampan, pelan pembangunan yang tidak terancang dan berlakunya pelaksanaan yang tidak melibatkan suara komuniti. Salah satu ancaman bagi Komuniti Melangkap adalah peningkatan tekanan untuk membangunkan kawasan kampung bagi industri yang boleh mendatangkan impak negatif kepada penduduk.



Kedudukan strategik kampung yang berlatarbelakangkan Gunung Kinabalu

Penyahhutan hutan untuk tujuan industri pertanian berskala besar akan mengancam aktiviti pertanian tradisi Komuniti Melangkap. Cadangan pembangunan seperti aktiviti perlombongan, pembinaan empangan dan pembukaan kawasan untuk aktiviti pelancongan mega yang tidak melibatkan penduduk setempat untuk menjana ekonomi secara pantas juga turut membawa impak negatif seperti perubahan gunatanah yang menyebabkan hakisan tanah, kemusnahan kawasan tadahan air komuniti,

Komuniti Melangkap harus dilindungi dari ancaman pembangunan tidak mampan. Pemantauan dan penilaian sama ada untuk menerima atau menolak semua cadangan projek berhak dijalankan oleh Komuniti Melangkap.



Cara hidup Komuniti Melangkap berkaitan rapat dengan kepelbagaian sumber alam di persekitaran mereka

Maklumat penuh tentang risiko dan impak terhadap kawasan persekitaran semujadi, kesihatan komuniti harus dibekalkan kepada semua lapisan Komuniti Melangkap.

Komuniti Melangkap ingin memastikan pertumbuhan meningkat secara mampan sambil tidak membatasi peluang bagi penduduk setempat.

ii. Ancaman hakisan budaya

Komuniti Melangkap kaya dengan pengetahuan tradisi dan adat istiadat yang diwarisi turun temurun dan ia mencerminkan identiti dan amalan cara hidup penduduk Melangkap. Pengetahuan tradisi dalam amalan pertanian, pengurusan sumber secara tradisi, penghasilan kraf menggunakan sumber hutan, keunikan pembuatan *kuron*, penggunaan bahasa ibunda dan seni tari.



Kemahiran tradisi membuat tembikar warisan *kuron* menggunakan tanah liat yang semakin terancam.

Pengetahuan tradisi yang biasanya diperturunkan secara lisan semakin pupus di serata dunia, situasi yang sama turut dirasai oleh Komuniti Melangkap. Generasi muda yang telah mengalami pendedahan dengan pendidikan moden dan turut terdedah dengan budaya masyarakat luar menyumbang kepada penurunan minat dan kecenderungan mereka untuk terus mengamalkan adat istiadat dan kebudayaan di Melangkap. Penghijrahan generasi muda ke bandar memberikan cabaran kepada pengamalan cara hidup tradisi.

Kehilangan akses ke kawasan komuniti, sistem pengurusan dan pengambilan sumber secara berlebihan juga menjadi mendorong kepada hakisan budaya. Ini kerana kesinambungan pelbagai pengetahuan tradisi mempunyai banyak kepergantungan kepada sumber semulajadi.

Sebagai satu contoh, penggunaan tanah liat dalam proses penghasilan *kuron*. Tanah liat yang digunakan adalah tanah liat yang agak sukar didapati dan hanya terdapat di kawasan tertentu. Pengambilan sumber secara berlebihan dan kehilangan akses ke kawasan yang menyimpan sumber ini akan mengancam kepada amalan tradisi ini.

Pengurangan amalan budaya, kadangkala akan membawa kepada kepupusan menyeluruh dalam sesuatu kebudayaan. Oleh yang demikian, Komuniti Melangkap mengambil langkah untuk mengatasi ancaman ini dengan menggalakkan penglibatan generasi muda dalam aktiviti-aktiviti tradisi dan memastikan dialog antara generasi digiatkan.

iii. Perubahan iklim yang memberikan impak kepada kepelbagaian sumber biologi

Perubahan iklim merupakan satu ancaman kerana terdapat spesis flora dan fauna yang endemik di kawasan Melangkap hanya boleh hidup berkembang pada suhu yang tertentu, dan apabila perubahan suhu yang diakibatkan oleh perubahan iklim berlaku, spesis flora dan fauna ini tidak akan dapat menyesuaikan diri dan kelangsungan hidup spesis ini akan terancam.

Secara tidak langsung ini turut memberikan impak kepada cara hidup Komuniti Melangkap, kerana komuniti ini banyak bergantung kepada sumber semulajadi dalam kehidupan mereka.



Kepelbagaian sumber biologi yang terdapat di kawasan Melangkap terdedah kepada ancaman perubahan iklim

iv. Bencana Alam

Bencana alam turut menjadi ancaman kepada Komuniti Melangkap. Kedudukan Kampung Melangkap yang berhampiran sungai utama di Daerah Kota Belud menjadikan ia sebagai kawasan yang cenderung untuk mengalami bencana seperti banjir kilat dan banjir lumpur. Peristiwa bencana alam membawa impak negatif yang besar terhadap komuniti kerana ia boleh mengakibatkan kerosakan besar terhadap harta benda, tanaman dan kerugian ekonomi akibat gangguan bencana alam.



Banjir kilat menjadi ancaman kepada Komuniti Melangkap



Bencana banjir lumpur yang dialami selepas kejadian gempa bumi

Bencana alam boleh menjadi ancaman yang lebih teruk apabila bahaya semulajadi mengatasi keupayaan sosial untuk menanganinya. Bencana memerlukan banyak penyelarasan di antara pelbagai agensi dan juga Komuniti. Komuniti Melangkap beraspirasi untuk membina daya ketahanan dalam menangani situasi sekiranya berlaku ancaman bencana alam sebagai langkah untuk mengurangkan impak kepada komuniti.

v. Ancaman kehilangan akses terhadap kawasan tradisi


Komuniti Melangkap juga menghadapi cabaran dalam melindungi dan mempertahankan kawasan tradisi. Komuniti khawatir akan kebarangkalian kawasan tradisi akan diwartakan sebagai kawasan hutan simpan. Ini akan mengakibatkan komuniti kehilangan akses bukan sahaja kepada kawasan tradisi tetapi juga sumber semulajadi yang mencerminkan budaya asal komuniti Melangkap.

6.0 AKSES DAN PERKONGSIAN FAEDAH (ABS)

Akses dan Perkongsian Faedah (ABS) merujuk kepada cara sumber-sumber biologi boleh diakses, dan bagaimana faedah yang dihasilkan daripada penggunaannya, dikongsi antara pemberi sumber dan pengguna menurut proses yang telah dipersetujui oleh komuniti.

ABS adalah berdasarkan proses FPIC bagi mendapatkan persetujuan daripada pemberi sumber dan proses rundingan yang dikenali sebagai Terma Dipersetujui Bersama (*Mutually Agreed Term, MAT*) untuk memastikan perkongsian yang adil dan saksama. Pengguna sumber perlu mendapatkan FPIC atau dalam erti kata lain persetujuan/kebenaran daripada pemberi sumber mengikut terma-terma yang dipersetujui bersama sebelum mengakses sumber biologi atau *pengetahuan tradisi berkaitan sumber biologi*.

Illustrasi di bawah menunjukkan tema-tema utama ABS.



Diadaptasi daripada <https://www.cbd.int/abs/infokit/revise/web/factsheet-bonn-en.pdf>

6.1 *Free, Prior and Informed Consent (FPIC)* / Izin berasaskan Makluman Awal, Bebas dan Telus

Prinsip *Free, Prior and Informed Consent (FPIC)* telah diiktirafkan dalam beberapa siri instrumen perundangan termasuk Deklarasi Hak Orang Asli/Orang Asal (UNDRIP), Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa 169 (ILO 169) dan Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD).

FPIC merupakan satu proses yang mana komuniti mempunyai hak untuk memberi atau tidak memberi persetujuan terhadap sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak luar yang mempunyai implikasi terhadap Komuniti. Proses FPIC juga adalah panduan kepada sesebuah komuniti untuk membuat perbincangan dan keputusan sendiri secara bebas dan kolektif.

Melalui program ini, komuniti Melangkap telah didedahkan beberapa siri bengkel yang mengajar kaedah-kaedah untuk membantu menguatkan semangat perpaduan di kalangan komuniti Melangkap. Antara bengkel-bengkel yang dijalankan adalah pengenalan dan pelaksanaan proses FPIC.

Proses FPIC

- Semua anggota dalam komuniti diberi peluang untuk bersuara
- Komuniti memilih ketua atau penasihat dengan cara perundingan
- Komuniti diberi masa untuk menjalankan proses perundingan
- Pandangan daripada setiap individu dalam komuniti hendaklah diambil kira bagi memastikan perundingan yang dijalankan adalah adil
- Setiap keputusan yang dibuat hendaklah dengan cara kata sepakat

Komuniti Melangkap menggunakan proses FPIC untuk menghasilkan satu protokol yang dikenali sebagai Protokol Induk Melangkap.


Protokol Induk Melangkap dibina oleh komuniti kampung atas kesedaran berikutan beberapa permasalahan melibatkan orang luar dan komuniti sendiri terutamanya berkaitan dengan ketidaktelusan pelaksanaan prosedur yang sepatutnya dilakukan apabila berurusan. Protokol ini dibina untuk memperkukuhkan sistem yang sedia ada. Ia juga adalah antara tindakan untuk menginterpretasikan peraturan-peraturan yang sedia ada ke dalam bentuk dokumen sebagai satu alat perundingan yang lebih mudah difahami oleh komuniti kampung dan pihak luar apabila mahu menjalankan aktiviti dan berurusan dengan mana-mana Kampung Melangkap pada masa akan datang.

Dengan pembentukan Protokol Induk Melangkap, komuniti Melangkap juga telah menghasilkan satu sistem yang menerapkan proses FPIC untuk berurusan antara komuniti dan pihak luar dengan komuniti. Oleh itu, komuniti Melangkap menggunakan tatacara seperti yang ditunjukkan pada gambarajah di bawah dalam memilih wakil komuniti.

Gambarajah di bawah menunjukkan bagaimana proses FPIC yang sepatutnya dijalankan oleh komuniti sendiri dan pihak luar apabila berurusan dengan Kampung Melangkap (Hasil yang telah dibuat oleh komuniti semasa pelaksanaan bengkel FPIC). Proses FPIC di Melangkap terbahagi kepada 2 iaitu; (i) untuk komuniti Melangkap dan (ii) untuk pihak luar.

PROSES FPIC:

A) Komuniti Melangkap




Gambarajah 8: Proses FPIC yang digunakan oleh Komuniti Melangkap

Berdasarkan gambarajah di atas Komuniti Melangkap menetapkan beberapa perkara yang perlu dilakukan oleh komuniti kampung sendiri apabila berurusan dengan mana-mana kampung di Melangkap iaitu;

- 1) Surat makluman yang lengkap di hantar kepada pemimpin kampung yang terlibat dua minggu sebelum pihak berkenaan (sama ada individu atau kumpulan) datang ke kampung tersebut. Ini bertujuan supaya komuniti dalam kampung tersebut dapat dimaklumkan mengenai perkara tersebut dan juga pelaksanaan mesyuarat jika perlu

- 2) Mesyuarat dan perjumpaan bersama pihak berkenaan mestilah diadakan di kampung tersebut dengan dihadiri oleh pemimpin kampung, komuniti dan pihak berkenaan (sama individu, kumpulan atau wakil)
- 3) Tempoh Proses membuat keputusan oleh komuniti bergantung kepada tujuan pihak berkenaan memasuki kawasan kampung
- 4) Penetapan terma, syarat dan peraturan mengikut kategori (tujuan)
- 5) Proses perundingan dan perbincangan dua pihak boleh diadakan sebanyak 3 kali sahaja; Jika masih tiada keputusan ia dikira telah selesai
- 6) Garis panduan ini hanya untuk komuniti Melangkap sahaja

B) Pihak Luar



Gambarajah 8: Proses FPIC yang digunakan oleh Komuniti Melangkap untuk perundingan dengan pihak luar

Ini adalah terma dan syarat yang telah dibuat oleh komuniti Melangkap khusus kepada pihak luar apabila mahu berurusan dengan kampung ini pada bila-bila masa iaitu;

1. Surat makluman yang lengkap dihantar kepada kepimpinan kampung (Ketua kampung atau JKKK). Jika ia berkaitan dengan akses kepada sumber alam semulajadi dan pengetahuan tradisi, 2 minggu sebelum datang ke Kampung Melangkap
2. Kegagalan menghantar surat makluman menyebabkan pihak berkenaan tidak akan dilayan oleh komuniti kampung
3. Mesyuarat dan Perjumpaan; Mesyuarat dan perjumpaan mestilah melibatkan semua lapisan masyarakat dan diadakan bersama komuniti kampung Melangkap yang terlibat
4. Proses Membuat Keputusan; Semua keputusan yang diambil dan dibuat oleh Komuniti Melangkap mestilah dihormati oleh mana-mana pihak luar. Syarat dan peraturan (Undang-undang Adat) yang ada mestilah dihormati dan dipatuhi
5. Apa-apa persetujuan yang dicapai mestilah ditulis dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak

Melalui pelaksanaan bengkel FPIC juga, komuniti Melangkap menerapkan tatacara bagaimana komuniti memilih wakil dan diwakili seperti yang ditunjukkan dalam gambarajah di bawah:



PROTOKOL MELANGKAP

INI ADALAH PROTOKOL YANG TELAH DIPERAKUI DAN DIPERSETUJUI OLEH KOMUNITI MELANGKAP. SETIAP ORANG YANG INGIN BERURUSAN DENGAN KOMUNITI MELANGKAP MESTILAH: -

1. MENGHORMATI DAN MEMATUHI ADAT RESAM/ISTIADAT KAMPUNG MELANGKAP APABILA MEMASUKI DAN BERURUSAN DENGAN KAMPUNG MELANGKAP.

"Sesiapa Yang Hendak Menjalankan Aktiviti Atau Berurusan Dengan Komuniti Kampung Melangkap Mesti Berjumpa Terlebih Dahulu Dengan Ketua Kampung dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung".

2. TUJUAN BERURUSAN DENGAN KAMPUNG MELANGKAP MESTI DIKEMUKAKAN DENGAN JELAS, IKHLAS DAN BERTULIS.

"Setiap Orang Luar Tidak Kira Perseorangan Atau Badan-Badan Kerajaan/Swasta Mesti Mengemukakan Tujuan Secara Bertulis Kepada Ketua Kampung dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung Dan Semestinya Mengikut Proses IZIN berasaskan MAKLUMAT AWAL BEBAS dan TELUS (IMABT)".

3. PERATURAN DAN ADAT RESAM/ISTIADAT KAMPUNG MELANGKAP HARUS DIHORMATI DAN DITURUTI. KEKEBALAN TIDAK AKAN DIBERI KEPADA PESALAH ATAU YANG BERSUBAHAT.

"Sesiapa Yang Melanggar Atau Bersubahat Dalam Melanggar Protokol Melangkap Atau/Dan Adat Resam Kampung Melangkap Akan Diadili Mengikut Peraturan Adat Yang Sedia Ada. Hukuman Akan Dijatuhkan Setimpal Dengan Kesalahannya".

Protokol Induk ini digubal dari hasil gagasan dan persetujuan komuniti Melangkap. Protokol ini disokong oleh adat resam/istiadat yang sedia ada.

PADA MENYAKSIKAN HAL-HAL DI ATAS, kami sebagai pemimpin setiap kampung menurunkan tandatangan kami di bawah ini pada tarikh **06 bulan September tahun 2014** atas penguatkuasaan Induk Protokol ini.

KETUA KAMPUNG

Melangkap Baru
KK Lumabai Belinsiu

Melangkap Tomis
KK Bakait Garog

Melangkap Tiong
KK Yangan Nangan

Melangkap Neriou
KK Indoh Galing

Melangkap Kapa
KK James Palit

PENGERUSI JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG

Melangkap Baru
Samiar Sulah

Melangkap Tomis
Roubin Tinggayan

Melangkap Tiong
Sakimin Setan

Melangkap Neriou
Dumin Sinit

Melangkap Kapa
Melon Yaming

WAKIL KETUA ANAK NEGERI

Penasihat Projek Bio Budaya Melangkap
Somboton Gunsalahon

JAWATANKUASA BIO BUDAYA MELANGKAP

Pengerusi JBBM
Demis Rumanti

6.2 Terma yang Dipersetujui Bersama (TDB) / *Mutually Agreed Term (MAT)*

Menurut CBD dan Protokol Nagoya, penggunaan pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan sumber-sumber biologi yang dimiliki komuniti hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran dan persetujuan daripada komuniti. Syarat untuk terma-terma hendaklah dilakukan melalui penglibatan bersama daripada semua pihak (pengguna dan pemberi sumber) untuk menjamin perkongsian akses dan faedah adalah adil dan saksama dan dipersetujui oleh semua pihak yang terlibat.

Komuniti Melangkap telah diberi latihan dan bengkel untuk memahami dan menyelami proses TDB untuk pengurusan berkenaan dengan pengetahuan tradisi sumber-sumber biologi di kawasan mereka. Hasil daripada latihan dan bengkel yang telah dilaksanakan, Komuniti Melangkap telah diberi pengenalan tentang TDB dan garis panduan yang menggariskan prinsip-prinsip serta keperluan asas yang harus diambilkira dalam pembentukan TDB. Garis panduan yang dirujuk adalah Garis panduan Bonn¹² yang menyatakan prinsip asas dan elemen yang harus diambilkira dalam pembentukan TDB adalah seperti berikut:

- Kepastian undang-undang dan kejelasan
- Memudahkan transaksi melalui maklumat yang jelas dan prosedur yang formal
- Tempoh masa yang munasabah untuk rundingan
- Syarat yang dinyatakan dalam bentuk perjanjian bertulis

Berikut adalah hasil pembelajaran dan pemahaman komuniti Melangkap melalui bengkel TDB iaitu;

- Kepentingan bahasa perhubungan yang mudah difahami oleh komuniti Melangkap
- Keperluan mendapat maklumat yang mencukupi dan nasihat dari pihak ketiga
- Mempunyai masa dan ruang yang mencukupi untuk membuat keputusan dan meneliti semula terma dan syarat yang dipersetujui
- Kepentingan perundingan dijalankan secara telus dan bersama-sama
- Kepentingan perjanjian bertulis sebagai jaminan hak komuniti
- Mempunyai hak untuk menentukan terma yang bersesuaian dan melindungi komuniti

¹² Garis panduan Bonn bertujuan untuk membantu pemerintah atau pihak kerajaan dalam mengambil langkah-langkah bagi mengawal akses dan perkongsian faedah di negara masing-masing

6.3 Pemetaan Komuniti dan Bengkel Penghasilan Peta 3 Dimensi Melangkap

Komuniti Kampung Melangkap telah menjalankan aktiviti pemetaan komuniti bagi mengenalpasti wilayah tanah adat dan sumber biologi yang berkepentingan untuk kelima-lima kampung. Aktiviti ini melibatkan pengambilan data di lapangan dan pembinaan peta 3-Dimensi. Aktiviti pemetaan komuniti ini menyumbangkan kepada prinsip asas dan elemen dalam pembentukan TDB.



Pengambilan data di lapangan yang dijalankan bersama oleh komuniti



Penghasilan peta 3 dimensi, memperkasakan pengetahuan Komuniti tentang kawasan wilayah tanah adat

7.0 KESIMPULAN

Kampung Melangkap merupakan satu kawasan kampung yang sedang membangun dan masih memiliki keindahan alam semulajadi. Walaupun, terdapat pelbagai aktiviti pertanian yang dijalankan oleh komuniti kampung sejak dahulu sehingga ke hari ini membuktikan komuniti mempunyai sistem yang tersendiri mengurus komuniti dan sumber semulajadi bagi memastikan kelangsungan yang berterusan. Walau bagaimanapun, berdasarkan soal selidik dan perbincangan bersama dengan komuniti sepanjang proses penyelidikan yang dijalankan di kawasan ini, komuniti menyuarakan kebimbangan mereka terutamanya berkaitan dengan nasib komuniti dan kawasan ini pada masa akan datang. Beberapa aspek yang menjadi kebimbangan komuniti kampung ini, adalah berkaitan dengan tanah, biodiversiti, pengetahuan tradisi dan beberapa perkara lain yang memerlukan pemerhatian yang teliti daripada pihak komuniti kampung sendiri untuk terus mempertahankan apa yang dimiliki oleh komuniti. Oleh itu, sokongan dan bantuan serta garis panduan sangat diperlukan oleh komuniti supaya dapat memelihara dan mempertahankan hak asasi di kawasan ini daripada diganggu gugat oleh pihak luar yang tidak bertanggungjawab dan seterusnya mengukuhkan kedudukan komuniti di kawasan Melangkap.

Kepelbagaian sumber semulajadi yang terdapat di kawasan Melangkap merupakan tanggungjawab komuniti sejak sekian lama. Pengetahuan yang dimiliki oleh komuniti tentang sumber semulajadi menyebabkan komuniti kampung sentiasa menghargai khazanah alam semulajadi yang ada. Walaupun tanpa penguatkuasaan dan peraturan-peraturan yang khusus yang dibuat oleh komuniti kampung sebagai satu usaha untuk memelihara khazanah alam di kawasan ini. Tetapi, komuniti kampung berusaha untuk memelihara sumber alam semulajadi terutamanya sumber yang memberi faedah kepada komuniti terutamanya sumber ubat-ubatan dan penghidupan. Komuniti juga menyedari bahawa penting untuk mewujudkan peraturan yang khusus berkaitan dengan sumber semulajadi. Hal ini disebabkan, kampung Melangkap mempunyai bentuk muka bumi yang unik dan yang penting ada bagi memastikan sumber yang ada berterusan dalam tempoh masa yang akan datang daripada tidak pupus.

Sebagai komuniti yang memiliki sejarah dan tradisi yang tersendiri banyak amalan, pengetahuan dan adat masih diamalkan oleh komuniti sebagai pengukuhan kedudukan di kawasan ini. Secara amnya, komuniti Melangkap lebih dikenali sebagai penanam padi bukit secara tradisional dan berlanjutan sehingga hari ini. Walaupun kegiatan ini hanya bersifat sampingan dan diamalkan oleh segelintir komuniti di kampung Melangkap pada hari ini tetapi pengetahuan masih sinonim dalam jiwa komuniti. Selain daripada itu, terdapat beberapa tradisi lain yang berhubungkait dengan komuniti iaitu perusahaan kraftangan berasaskan rotan dan pembuatan kuron. Perusahaan kraftangan merupakan satu perusahaan yang dijalankan oleh komuniti terutamanya di kampung Melangkap Nariou yang mana komuniti kampung giat mengusahakan perusahaan kraftangan sehingga ke Semenanjung Malaysia dan terlibat dalam banyak pameran.

Pembuatan kuron adalah satu keunikan yang masih ada di kampung Melangkap walaupun hanya terdapat di kampung Melangkap Kapa dan Tiong dan diusahakan oleh keluarga Puan kontiom sahaja tetapi suatu masa dahulu pembuatan kuron ini sangat giat dibuat terutamanya dalam kalangan komuniti. Selain daripada itu, *magasak* dan *popoosus do tagung* merupakan pengetahuan tradisi lama yang masih kekal diamalkan oleh komuniti kampung Melangkap sebagai satu tradisi yang berkaitan dengan alam semulajadi dan pengambilan sumber di kawasan sungai. Tarian *kapa momorun* dan *tigol nahandang* dengan pukulan gong dan kulintangan kayu adalah lambang bagi kesenian dan kebudayaan komuniti Melangkap.

Bagi memastikan keamanan dan perpaduan serta pengekalan budaya peraturan kampung menjadi garis panduan bagi memastikan komuniti hidup dengan rukun. Peraturan yang sedia ada (peraturan adat istiadat yang diwarisi daripada nenek moyang) dan *Buku Adat istiadat Suku Kaum Dusun Tindal*, menjadi rujukan utama dalam menangani permasalahan yang timbul dalam kalangan komuniti pada peringkat kampung.

Adanya, kerjasama dari semua badan tertentu seperti ketua kampung, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Wakil Ketua Anak Negeri (WKAN) dan Majlis Gereja serta beberapa badan-badan tertentu (Jawatankuasa) dibuat oleh komuniti kampung menjadikan sistem pentadbiran di peringkat kampung lebih teratur dan tersusun. Walaupun pada masa sekarang tahap keamanan dan keselamatan di kawasan kampung adalah baik namun komuniti Melangkap masih bimbang akan keadaan kawasan ini pada masa akan datang. Pada masa sekarang kampung Melangkap masih berpegang teguh kepada peraturan-peraturan kampung tetapi tanpa pemupukan yang agresif bermula dari sekarang boleh menjadikan kawasan ini berdepan dengan pelbagai permasalahan di masa yang akan datang. Justeru itu, pihak kepimpinan kampung dan komuniti kampung perlu bersatu-padu agar keamanan dan keselamatan kampung tetap terjaga. Bahkan sebarang perubahan sempadan pentadbiran perlu dirujuk bersama agar tidak timbulnya masalah pada masa akan datang.

Oleh itu, kerjasama daripada Taman-Taman Sabah, Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Pelancongan dan SABC amat diperlukan bagi membantu dan meningkatkan tahap kesedaran terhadap kepentingan khazanah alam walaupun majoriti komuniti kampung terlibat dalam pertanian. Komuniti kampung ini mempunyai pengetahuan tradisi yang khusus tentang tumbuh-tumbuhan terutamanya yang boleh dijadikan ubat-ubatan dan mereka berharap agar pengetahuan tersebut dapat didokumentasikan dalam bentuk buku agar ilmu pengetahuan ini tidak pupus tanpa warisan pada masa akan datang.

Kesimpulannya, komuniti kampung Melangkap berpegang kepada tradisi dan budaya sebagai lambang identiti dalam meneruskan kehidupan di kawasan ini. Komuniti di kampung ini tidak menolak sebarang bentuk pembangunan atau program yang dilaksanakan di kawasan ini, tetapi komuniti Melangkap berharap ia mendatangkan faedah dan berdasarkan persetujuan

komuniti kampung ini sendiri. Komuniti Melangkap sangat berharap melalui Protokol Komuniti yang dibina bersama dapat mendidik dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan komuniti kami sendiri serta dihormati oleh orang luar sebagai satu dasar perundingan apabila berurusan dengan Kampung Melangkap pada masa akan datang. Oleh itu, orang luar yang datang dan berurusan dengan mana-mana kampung yang terdapat di Melangkap mestilah mengikut prosedur, menghormati adat budaya serta cara hidup komuniti di kampung ini. Komuniti Melangkap juga merupakan komuniti yang bersikap terbuka dan rasional tetapi ditegaskan bahawa komuniti kampung menentang segala bentuk pengeksploitasian, menggugat hak-hak asasi komuniti kampung, penindasan, pemusnahan alam semulajadi dan perkara-perkara yang bertentangan dengan adat budaya dan cara hidup komuniti.

RUJUKAN

1. IUCN: Compliance with Mutually Agreed Terms. Article 18 of the Nagoya Protocol on Access and Benefit-Sharing.
https://www.iucn.org/sites/dev/files/import/downloads/short_paper_on_art_18.pdf
2. FAO, 2016. Free, Prior and Informed Consent: An indigenous peoples' right and good practice for local communities.
<http://www.fao.org/documents/card/en/c/5202ca4e-e27e-4afa-84e2-b08f8181e8c9/>
3. UNEP. Community Protocols: Common Underlying Principles.
<https://www.cbd.int/doc/meetings/tk/wg8j-09/other/wg8j-09-community-protocol-underlying-principles-en.pdf>
4. Sabah Biodiversity Enactment 2000.
<http://www.wipo.int/edocs/lexdocs/laws/en/my/my055en.pdf>
5. Video Projek BioBudaya Melangkap
https://www.youtube.com/watch?v=D7bFU4oExt4&feature=em-share_video_user